

# Mahathir dukacita lawatan ke Iran, Iraq ditangguh

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu lawatannya bersama anggota lain Jawatankuasa Damai Iran-Iraq ke negara-negara yang bersengketa itu, yang dijadualkan mulai esok, telah ditangguhkan.

Beliau sepatutnya bertolak ke Jeddah esok dan seterusnya ke Teheran untuk cuba mencari penyelesaian sengketa kedua-dua negara itu.

"Saya amat dukacita apabila diberitahu bahawa lawatan itu telah dibatalkan," katanya ketika berucap di perasmian persidangan Kesatuan Guru-Guru Agama Malaysia Barat di Bangunan Tunku di sini hari ini.

Perdana Menteri adalah salah seorang anggota Jawatankuasa Damai Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) untuk berusaha menamatkan peperangan Iran-Iraq. Anggota lain jawatankuasa itu ialah Pertubuhan Pembebasan Palestin, Gambia, Turki, Senegal, Guinea dan Pakistan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, lawatan itu ditangguhkan setelah jawatankuasa itu dikenakan syarat-syarat tertentu oleh kedua-dua

negara itu.

Beliau berpendapat, syarat-syarat itu mengikat anggota-anggota jawatankuasa berkenaan dan lawatan mereka itu tidak akan bermakna. Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan syarat-syarat itu.

Perdana Menteri berkata, sepatutnya tidak ada peperangan di kalangan orang Islam kerana perbuatan membunuh sesama sendiri tidak disuruh oleh Islam.

Bagaimanapun, katanya, ada pemimpin-pemimpin negara Islam yang secara terbuka mengatakan pembunuhan diizinkan oleh Islam dan orang ramai pula menerima ajaran itu.

Menurutnya, ini berlaku berikutan ajaran sesat yang sedang ada di banyak negara Islam sekarang.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir, berkata jawatankuasa damai itu akan mengemukakan laporan mengenai Perang Iran-Iraq di persidangan OIC akan datang, jika ia masih gagal menamatkan persengketaan itu.

Beliau memberitahu *Berita Harian*, walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh Jawatankuasa OIC, termasuk menghantar rombongan damai, kedua-dua negara nam-

paknya semakin bekeras dan tidak mahu mengalah.

Katanya, sehingga kini tidak ada perubahan yang menunjukkan perang yang berlarutan sejak lima tahun itu akan reda, malah kini semakin sengit.

Bagaimanapun, tegasnya, Malaysia dan anggota jawatankuasa damai itu akan terus berikhtiar bersungguhsungguh untuk menyelesaikan pertikaian itu.

Menurut laporan hari ini, Iran menghantar kira-kira 500,000 askar ke tiga kawasan di sepanjang sektor perang tengah dan selatan, manakala tentera Iraq pula sedang bersiap sedia untuk melancarkan serangan besar-besaran ke atas semua sasaran di Iran.

Mengenai laporan yang menyatakan Amerika mungkin memin-dahkan sebahagian kemudahan tenteranya di rantau Asia ke Singapura, beliau berkata, itu adalah spekulasi akhbar dan ia mungkin tidak benar.

"Saya enggan mengulas mengenai perkara itu kerana laporan itu adalah spekulasi akhbar," katanya.

Laporan-laporan sebelum ini memetik sumber diplomatik Singapura sebagai berkata, Amerika mungkin mengambil langkah itu jika ancaman komunis di Filipina meningkat dan mengancam kepentingan Amerika.